KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	19/12/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	UMUM			

Sasaran sifar karbon 2050 jamin kestabilan masa depan negara

Oleh Dr Henry Chan
bhrencana@bh.com.my



Pengarah Konservasi WWF-Malaysia

Laporan Panel Perubahan Iklim Antara-Kerajaan (IPCC) pada 2018 menyatakan manusia sejagat akan mengalami kesan perubahan iklim mudarat jika suhu bumi melebihi 1.5 darjah Celsius daripada tahap praindustri.

Bagi mengelak situasi ini, kenaikan suhu global dunia harus diperlambatkan. Antara boleh dilakukan ialah menurunkan pelepasan karbon dunia sebanyak 45 peratus daripada tahap 2010. Laporan IPCC tahun ini menekankan keperluan segera dan berskala besar mengurangkan pelepasan karbon.

Jika gagal, ia mungkin di luar jangkauan untuk mengehadkan pemanasan global pada 1.5 darjah Celsius.

Tidak dinafikan peralihan iklim imperatif untuk iklim dunia dan ekonomi. Sebagai contoh, pihak seperti institusi perbankan, insurans dan pelaburan serta syarikat dan pengguna, sudah mula mengguna pakai elemen alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam membuat keputusan.

Peningkatan penggunaan ESG membawa implikasi meluas seperti peralihan iklim dan penerapan ekonomi hijau. Oleh itu, negara, sektor dan syarikat harus segera menyesuaikan diri dengan konsep ESG dan perubahan iklim untuk menjamin kelangsungan mereka.

Jika dunia terus beroperasi seperti biasa, kerugian kumulatif 2011 sehingga 2050 akan mencecah AS$10 trilion dan ini membimbangkan.

Namun, terdapat perkembangan positif dari negara yang menyumbang kepada lebih 90 peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) global. Didorong keadaan perubahan iklim dan sosioekonomi dunia, China, Singapura, Amerika Syarikat (AS) dan Eropah sudah pun menetapkan sasaran sifar bersih tersendiri - iaitu pengimbangan pelepasan dan penyerapan gas rumah hijau (GHG).

Malaysia, sebagai negara perdagangan utama akan terkesan jika tidak mengambil langkah sama. Tambahan pula, negara terbabit rakan dagangan utama Malaysia dan cukai sempadan karbon akan diperkenalkan di Eropah juga pasti diterima pakai negara lain.

Jika Malaysia tidak mengambil langkah mencukupi untuk mengurangkan pelepasan karbon, cukai ini akan menjejaskan daya saing produk negara, lebih-lebih lagi 20 hingga 30 peratus ekonomi Malaysia kini tertumpu sektor menghadapi risiko besar peralihan iklim.

Inventori GHG Malaysia 2016 direkodkan 334 tan bersamaan karbon dioksida ($MTCO_2e$). Daripada jumlah ini, 75 peratus dihasilkan sektor tenaga dan pengangkutan, selebihnya proses pertanian, pembuangan sisa, perindustrian dan perubahan penggunaan tanah.

Namun, lebih 75 peratus pelepasan GHG diserap hutan di Malaysia, merangkumi 50 peratus daripada jumlah keluasan tanah negara. Ini memberi Malaysia kelebihan semula jadi yang unik serta meletakkan negara dalam posisi baik untuk mencapai sasaran pelepasan karbon sifar bersih.

Perlu dinyatakan sehingga 2004, Malaysia menyerap lebih banyak karbon daripada dilepaskan. Disebabkan kadar pelepasan karbon tinggi sektor tenaga dan pengangkutan, Malaysia perlu mengambil tindakan ke arah penyingkiran karbon atau penyahkarbonan.

Ini membabitkan tindakan seperti menghentikan penjanaan tenaga elektrik daripada arang batu menjelang 2050 serta menggunakan tenaga boleh diperbaharui (RE). Kita juga perlu meningkatkan penggunaan pengangkutan awam berbanding persendirian.

Negara mempunyai kelebihan semula jadi dan berpotensi memanfaatkan pelbagai teknologi penyahkarbonan. Kita juga memiliki pelbagai sumber RE seperti suria, bioenergi dan kuasa hidro lestari. Penghasilan tenaga elektrik tanpa karbon dan pengangkutan rendah karbon membawa kebaikan kepada sektor perindustrian kita.

> "Negara mempunyai kelebihan semula jadi dan berpotensi memanfaatkan pelbagai teknologi penyahkarbonan"

Penggunaan sumber tenaga tanpa karbon oleh kluster industri elektrik dan elektronik (E&E) serta automotif, akan meletakkan Malaysia dalam posisi kukuh meningkatkan nilai tempatan dari segi sektor perindustrian dan perkhidmatan lain.

WWF-Malaysia dan Boston Consulting Group (BCG) bekerjasama menghasilkan laporan menilai beberapa laluan ke arah sasaran Sifar Bersih 2050. Dari sudut teknikal, ia boleh dicapai dengan teknologi diterima pakai pada peringkat antarabangsa, namun bersesuaian konteks khusus di Malaysia.

Dari sudut sosioekonomi pula, laluan sifar bersih mampu mencipta 200,000 hingga 300,000 pekerjaan baharu dan menyumbang secara akumulatif RM50 bilion hingga 60 bilion kepada KDNK tahunan.

Pada masa sama, kos purata pelaburan diperlukan kurang daripada satu peratus KDNK Malaysia bagi tempoh 30 tahun.

Tindakan segera terhadap penyesuaian dan ketahanan iklim sangat diperlukan bagi melindungi kehidupan, ekonomi dan mata pencarian pendapatan daripada terjejas akibat perubahan iklim.

Ia juga akan melengkapkan usaha mitigasi negara menuju Sifar Bersih 2050. Masa bertindak semakin suntuk, tiba masanya untuk kita lakukan sesuatu.